



## KENYATAAN MEDIA

### PEWARTAAN PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2019

1. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 telah diwartakan pada **22 April 2019** dan berkuatkuasa pada **01 Mei 2019**.
2. Pewartaan ini merupakan pindaan kepada undang-undang sedia ada (Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983) selaras dengan hasrat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk mereformasikan kepimpinan Pertubuhan Peladang (PP) di tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bagi memastikan tadbir urus PP menjadi lebih dinamik dan berdaya saing.
3. Pindaan yang dibuat telah diteliti dan merupakan penambahbaikan kepada pentadbiran dan kepimpinan PP sebelum ini. Pindaan ini adalah meliputi perkara-perkara seperti berikut:
  - (a) Komposisi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di PPK iaitu tujuh (7) ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) PPK dan lima (5) dilantik oleh Menteri; dan Pengerusi dipilih melalui undian majoriti.
  - (b) Komposisi AJP di PPN terdiri daripada empat (4) ahli yang dipilih dalam MAT dan lima (5) dilantik oleh Menteri, dan Pengerusi hendaklah dinamakan dari kalangan AJP dan diluluskan oleh Menteri.
  - (c) Komposisi AJP di NAFAS terdiri daripada lima (5) ahli yang dipilih dalam MAT dan enam (6) dilantik oleh Menteri, dan Pengerusi hendaklah dinamakan dari kalangan AJP dan diluluskan oleh Menteri.
  - (d) Satu penggal pemegangan jawatan terdahulu adalah bagi tempoh 3 tahun. Ianya kini dipendekkan kepada 2 tahun di mana tempoh maksimum pemegangan jawatan mestilah tidak melebihi 2 penggal (4 tahun).
  - (e) Kuorum bagi Mesyuarat AJP adalah tujuh (7) orang di semua peringkat PP.

4. Pindaan ini dibuat secara teratur berdasarkan punca kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*] dan telah diwartakan dan dikuatkuasakan dengan sewajarnya.
5. Tindakan menyemak dan meminda perundangan sebenarnya berbentuk dinamik dan ianya sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian perundangan terhadap keperluan semasa. Ianya selari dengan agenda Kerajaan semasa yang mengutamakan '*rule of law*' dalam mentadbir urus setiap organisasi apatah lagi bila ia melibatkan peladang yang memerlukan perhatian dari Kerajaan.
6. Agenda reformasi yang diketengahkan ini merupakan anjakan yang akan membawa pergerakan Pertubuhan Peladang ke arah dimensi baharu terutamanya dalam usaha mentransformasikan institusi peladang agar lebih maju dan berdaya saing di samping meningkatkan pendapatan dan taraf hidup ahli peladang.
7. LPP sebagai Pendaftar kepada semua Pertubuhan Peladang di negara ini mengambil maklum terdapat bantahan-bantahan daripada ahli-ahli peladang berhubung dengan pewartaan ini. Namun, LPP berkeyakinan agenda reformasi ini akan diterima oleh masyarakat peladang demi memastikan institusi peladang kekal relevan. Pejabat Pendaftar telah dan sedang dalam proses memberi taklimat dan proses libat urus dengan ahli-ahli Peladang di Pertubuhan Peladang di setiap negeri bagi menjelaskan dengan lebih terperinci pindaan ini agar kefahaman yang lebih menyeluruh dapat diberikan.
8. Semasa sesi *engagement* ini dilaksanakan banyak pertanyaan dan persoalan dibangkitkan, namun Pejabat Pendaftar telah memberi penjelasan yang sewajarnya termasuklah tujuan asal pindaan ini dibuat.
9. Selaras dengan hasrat ini, semakan undang-undang akan diteruskan bagi memastikan agenda reformasi ini dapat dimantapkan dalam usaha memberi semangat baharu kepada pergerakan PP di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Lembaga Pertubuhan Peladang  
Menara LPP, No. 20 Jalan Sultan Salahuddin  
50480 Kuala Lumpur  
14 Mei 2019